

16/04/1998

Pembakaran terbuka tempah bencana

MENTERI Besar Pahang, Tan Sri Khalil Yaakob semalam mengarahkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Pahang mengambil langkah segera bagi memadamkan kebakaran yang dikesan di 14 lokasi hutan paya gambut. Kebakaran hutan itu kita anggap sebagai sesuatu yang serius terutamanya dalam keadaan cuaca panas yang dialami di negara ini sekarang. Dengan masalah kekurangan air dan kemarau, tentunya kebakaran hutan menambah buruk lagi keadaan cuaca di negara ini. Jika selama ini kita menyalahkan negara jiran yang menyebabkan punca jerebu di negara ini, kita bimbang tuduhan yang sama akan ditujukan kepada negara kita. Jika jerebu berlaku berpunca dari negara kita sendiri, tentulah sukar bagi kita menangkis tuduhan pihak luar mengenai keadaan di negara ini.

Oleh itu, kita berharap arahan Khalil itu diberi perhatian serius. Sebelum ini pun, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudahpun mengeluarkan arahan keras terhadap mereka yang terbabit dalam kes pembakaran hutan. Jika ditangkap, mereka akan dipenjarakan.

Kita berharap kerajaan negeri lain juga bertindak tegas jika ada tanda menunjukkan kebakaran hutan berlaku di negeri mereka. Bolehlah dikatakan setiap negeri mempunyai kawasan hutan yang besar. Kemungkinan berlaku kebakaran hutan adalah tinggi. Apabila berlaku kebakaran, ia sukar dipadamkan berikutan tiupan angin kencang. Kerja memadamkan kebakaran hutan memerlukan tenaga pekerja dan wang. Pada kita, semua ini adalah kerja pembaziran. Oleh itu, setiap negeri perlu mengambil langkah pencegahan.

Dengan kelulusan Kabinet memberi kuasa kepada empat agensi kerajaan - polis, bomba, Jabatan Kesihatan dan pihak berkuasa tempatan, menahan menyiasat dan mendakwa mana-mana pihak yang melakukan pembakaran terbuka, kita berharap perbuatan membakar hutan, dapat dibendung. Selama ini tugas itu hanya dilakukan oleh pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS). Tentulah dengan tenaga 400 pegawai, ia tidak boleh melakukan tinjauan ke seluruh negara. Bagaimanapun, kita berharap penyelarasan padu haruslah dilakukan oleh empat agensi berkenaan bagi mengelakkan kerja bertindih. Pembahagian kerja atau pemecahan kawasan pemantauan, hendaklah dibuat dengan teratur. Kerja pemantauan perlulah dijalankan segera bagi mengelakkan kemungkinan ada pihak cuba melakukan perbuatan khianat ini. Mereka juga boleh menggunakan khidmat Orang Asli, untuk membantu mereka mendapatkan maklumat jika ada orang luar yang disyaki mahu melakukan perbuatan itu. Janganlah menunggu asap naik berkepul-kepul di udara, baru mahu bertindak.

Kita memuji tindakan Jawatankuasa Kerajaan Tempatan Pahang yang menjalankan tinjauan dari udara kebakaran di 14 kawasan hutan belukar, tanah gambut di Kuantan, Penor dan daerah Pekan. Ia membuka mata kita betapa kebakaran hutan adalah sesuatu yang serius, dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Kebakaran hutan bukan saja menimbulkan persekitaran yang tidak sihat, malah ia membunuh kepelbagaian biodiversiti yang terdapat di kawasan berkenaan. Selain spesies binatang, kebakaran hutan juga memusnahkan tumbuh-tumbuhan dan akar kayu yang boleh dijadikan ubat-ubatan.

Persoalan yang timbul ialah apakah motif pembakaran hutan seperti ini. Kita percaya tidak ada orang yang melakukan perbuatan itu sekadar suka-suka. Ia mungkin dilakukan oleh golongan tertentu untuk sesuatu tujuan. Disebabkan ia terletak di tengah hutan, mungkin ada pihak yang mahu mengusahakan kawasan itu secara haram sama ada untuk bercucuk tanam atau

tujuan lain. Untuk menebang tebas secara teratur, ia tentulah memerlukan modal yang besar. Tambahan pula, ia dilakukan tanpa kebenaran. Jika ditangkap, ia hanya akan merugikan mereka. Oleh itu, jalan paling mudah ialah membakarnya dan membiarkannya merebak. Kemudian, barulah kawasan itu dibersihkan.

Kita berharap selepas ini, pihak berkuasa terbabit meninjau semula kawasan berkenaan untuk melihat kemungkinan ada `pengusaha haram' menjalankan kegiatan mereka. Di Malaysia, setiap rakyat mestilah menanamkan satu sikap peka terhadap sebarang unsur pencemaran. Kebakaran hutan bukan saja boleh menimbulkan masalah jerebu tetapi kesannya kepada alam sekitar adalah besar. Membunuh tumbuhan hijau bermakna kita membenarkan alam kita terdedah kepada pelbagai bencana. Dengan kepesatan pembangunan, pemotongan gunung dan bukit sudah cukup memburukkan keadaan geologi negara ini. Dengan pembakaran hutan, akan memudaratkan lagi keadaan.

(END)